

# Kita tidak campur tangan hukuman mati ke atas Taufik

UM - 9 MAY 2002

PUTRAJAYA 8 Mei  
- **Malaysia tidak akan campur tangan dengan keputusan Mahkamah Rendah Jakarta Pusat menjatuhkan hukuman mati ke atas Taufik Abdul Halim @ Dany, rakyat negara ini yang didapati bersalah memiliki bom dan cuba melakukan pengeboman di Plaza Atrium Senen, Jakarta, 1 Ogos lalu.**

Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang ditanya sama ada kerajaan akan menggunakan saluran diplomatik untuk meminta hukuman tersebut diringankan berkata:**

**"Kita tidak boleh kacau dengan (kepu-**

tusan) orang lain. **Kalau kita jatuhkan hukuman mati kepada orang asing, kita tidak suka orang asing suruh kerajaan mereka desak kita supaya jangan jatuhkan hukuman mati dan sebagainya.**

**"Jadi apabila terjadi kepada rakyat kita, kita kena terimalah."**

**Dr. Mahathir ditemui pemberita selepas menerima kunjungan rasmi dan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Lebanon, Rafic Hariri, di Kompleks Seri Perdana di sini hari ini.**

**Beliau diminta menengulas keputusan tersebut yang dijatuhkan oleh barisan tiga hakim Mahkamah Rendah Jakarta Pusat semalam.**